

Pelajar baharu UMSKAL tonjol bakat budaya 1Malaysia

NST 6.9.16 6

LABUAN: Pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), menunjukkan bakat terpendam mereka sempena Malam Penutupan dan Malam Persembahan Bakat di Dewan Utama UMSKAL, di sini, pada Khamis.

Program yang disajikan dengan pelbagai persembahan tarian kebudayaan, nyanyian dan deklamasi puisi itu turut menghiburkan Pengarah Kampus, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Hadir sama, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Dr. Hanudin Amin, Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Pendaftar Kanán UMSKAL, Zamri Haji Mohammad Tuah.

Turut hadir, Ketua-Ketua Sektor & Pusat, Pengetua Kolej Kediaman, Setiausaha Kehormat, Majlis Perwakilan Pelajar, Mas Adibah Abdul Rafar dan Ketua Pengarah Pembimbing Suai Mesra Sesi 2016/2017, Sharmilawathy A/P Paramesvaran.

Pada majlis itu seramai 584 pelajar baharu yang sudah pun melaporkan diri untuk mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) adalah antara yang terlibat dalam menjayakan program malam tersebut.

Dr Murnizam berharap bakat pelajar dalam bidang kebudayaan dan sukan akan ditonjolkan bukan sahaja untuk mewakili UMS Labuan tetapi juga UMS, Wilayah Persekutuan Labuan dan negara di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

Katanya, UMS menyediakan pelbagai ruang dan peluang untuk pelajar menunjukkan kebolehan selaras dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang mahu mereka berketrampilan dalam pelbagai bidang termasuk budaya dan sukan.

Oleh itu, Dr Murnizam menasihatkan pelajar menggunakan kesempatan dalam tempoh tiga hingga empat tahun ini untuk menimba pelbagai ilmu di samping memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik.

"UMS menyediakan peluang untuk pelajar meneruskan bakat dalam bidang sukan dan kebudayaan serta ko akademik. Jangan lepaskan peluang untuk mewakili UMS Labuan dan UMS. amnya di persada nasional dan antarabangsa," katanya.

Malam Persembahan Bakat itu turut menonjolkan kebudayaan pelbagai kaum di negara ini selaras dengan konsep 1Malaysia yang dipelopori Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Ini jelas kelihatan apabila pelajar baharu dan senior bergabung tenaga mempersembahkan tarian kebudayaan etnik Sabah dan Sarawak.

"Tarian kebudayaan itu juga dapat memperlihatkan pakaian dan adat budaya masyarakat di Sabah dan Sarawak untuk tatapan rakan-rakan di Semenanjung," katanya.

Dr Murnizam berharap menerusi majlis itu, hubungan erat yang sedia terjalin antara pelajar dari Labuan, Sabah, Sarawak dan Semenanjung akan terus kukuh bagi menjamin keharmonian kaum di negara ini.

Dalam kesempatan itu, Dr Murnizam mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai, pensyarah dan Pembimbing Suai Mesra (MSM) yang telah menjayakan Minggu Suai Mesra (MSM) bagi meraikan kehadiran pelajar baharu bagi sesi 2016/2017.

Beliau yakin kerjasama dan komitmen padu itu akan diteruskan dalam menjayakan pelbagai program pada tahun ini. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN**